

Wujudkan Pengiktirafan Ahli Akademik Peringkat Institusi Pengajian Masing-masing : Datuk Dr. Salleh

Terakhir dikemaskini: Rabu, 30 Oktober 2019 11:44 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 8

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



RABU, 30 OKT - Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Profesor Datuk Dr. Salleh Jaafar menyatakan agar semua institusi pengajian tinggi mewujudkan penganugerahan kepada ahli akademik di peringkat kampus masing-masing.

Katanya usaha tersebut adalah untuk memastikan lebih ramai ahli akademik menyumbang kepada pelbagai cabang ilmu baharu seiring dengan kehendak pasaran pekerjaan semasa dan akan datang.

Menurut Prof. Datuk Dr. Salleh, ahli akademik wajar mendapat pengiktirafan atas segala usaha dan pencapaian mereka di peringkat kampus masing-masing, seterusnya di peringkat yang lebih tinggi pada masa hadapan.

“Saya amat berharap pengiktirafan kepada ahli akademik diwujudkan di peringkat institusi pengajian masing-masing, tidak kira sama ada universiti awam, swasta, matrikulasi, politeknik, latihan perguruan atau kolej vokasional,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir ke Program Bulan Akademia 2019 Peringkat Sabah di Auditorium Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), kelmarin.

Tambah beliau, sumbangan ahli akademik adalah melibatkan keseluruhan aspek dan berfungsi untuk membantu anak-anak bangsa dalam memenuhi konteks keperluan semasa.

“Sumbangan para akademik adalah menyeluruh dan tidak terhad di bilik kuliah sahaja. Ia meliputi ilmu di luar bilik kuliah, tutorial, dalam kajian penyelidikan serta dari sudut pembangunan masyarakat.

“Cabaran dalam membentuk para pelajar masa kini adalah lebih mencabar dan memerlukan kreativiti ahli akademik untuk berdepan generasi Z yang mahir dengan pelbagai bentuk teknologi. Oleh itu, ahli akademik perlu mempersiapkan diri pada masa sekarang agar sentiasa menjadi relevan,” jelasnya.

Pada program itu, Profesor Datuk Dr. Salleh juga turut memuji usaha UMS dalam mewujudkan persekitaran kampus yang mesra pelancong melalui edutourism.

“UMS kini menjadi universiti penanda aras dalam sektor edutourism dan saya rasa ini sekaligus dapat memberi manfaat kepada para pelajar kerana berpeluang melibatkan diri dengan lebih aktif dalam bidang industri.

“Bagi saya ini adalah satu perkara yang baik kerana ilmu yang diberi oleh ahli akademik kepada pelajar adalah menyeluruh dan tidak terhad kepada kursus atau disiplin utama yang diikuti oleh pelajar itu sahaja,” katanya lagi.

Kira-kira 250 peserta terdiri daripada pensyarah dan kakitangan akademik universiti, kolej dan institut perguruan di seluruh Sabah hadir dalam program yang dianjurkan oleh Persatuan Staf Akademik UMS (PSAUMS) itu.

Turut hadir, Naib Canselor UMS Profesor Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin dan Pengurus PSAUMS, Dr. Mohd Azan Abdullah.